

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Asia Managed Fund is an actively managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing directly in shares, fixed interest securities and money market instruments in the Asia Pacific ex Japan region and through any other PRULink global funds that may be become available in the future or indirectly via sub-funds managed by Eastspring Investments (Singapore) Limited or any other fund manager to be determined from time to time.


PRULink Asia Managed Fund乃是一项积极管理的基金，其目标为在中至长期内赚取最高的回报。为达致此目标，本基金直接投资于亚太区(日本除外)的股票，固定收益证券和货币市场工具，以及通过其他在未来推介的PRULink global funds作出上述投资，或间接通过由瀚亚投资(新加坡)有限公司或其他在任何时候决定的基金经理所管理的子基金作出投资。

PRULink Asia Managed Fund adalah dana yang diuruskan secara aktif dan berusaha memaksimumkan pendapatan dalam jangka masa sederhana ke panjang. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrument pasaran kewangan di rantau Asia Pasifik tidak termasuk Jepun dan melalui mana-mana dana PRULink global yang mungkin disediakan pada masa depan atau secara tidak langsung melalui sub-dana yang diurus oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited atau mana-mana pengurus dana lain yang ditentukan dari masa ke semasa.

Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	30/11/2005
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM225,331,663.56
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.35%
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM2.01836

How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	-2.10%	-4.08%	-1.58%	5.60%	2.36%	5.35%	101.84%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	-0.99%	-2.19%	2.69%	10.66%	2.80%	19.41%	246.59%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-1.11%	-1.89%	-4.27%	-5.06%	-0.44%	-14.06%	-144.75%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 September 2023

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.msci.com and www.jpmorganindices.com/indices/listing

Where the Fund invests / 基金投资所在 / Komposisi Pelaburan Dana

Asset Allocation / 资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 JPMorgan Funds - Asia Growth Fund	36.31
2 Asia Pacific Ex-Japan Target Return Fund	35.52
3 Eastspring Investments - Asian Bond Fund	27.27
4 Cash, Deposits & Others	0.91

Asia Pacific ex-Japan Target Return Country Allocation / 国家分析 / Peruntukan Negara

	% NAV
1 China / 中国	24.73
2 Korea / 韩国	12.67
3 Singapore / 新加坡	11.37
4 Taiwan / 台湾	9.80
5 Malaysia / 马来西亚	9.72

Eastspring Asian Bond Country Allocation / 国家分析 / Peruntukan Negara

	% NAV
1 China / 中国	31.40
2 India / 印度	12.30
3 Others / 其他	11.80
4 Indonesia / 印尼	10.70
5 Hong Kong / 香港	9.60

JPMorgan Funds - Asia Growth A (acc) USD Country Allocation / 国家分析 / Peruntukan Negara

	% NAV
1 China / 中国	30.90
2 India / 印度	18.50
3 Taiwan / 台湾	17.00
4 Korea / 韩国	12.90
5 Hong Kong / 香港	10.20

Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Sats Limited	3.33
2 Samsung Electronics Co., Limited	3.24
3 Sk Hynix Inc.	2.99
4 Taiwan Semiconductor Manufacturing Co., Limited	2.88
5 CSL Limited	2.63

Eastspring Asian Bond Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 United States Treasury Bill 4-Jan-2024	1.10
2 Central Plaza Development Ltd	0.50
3 China Resources Land Ltd	0.50
4 Diamond II Ltd	0.50
5 Gansu Provincial Highway Aviation Tourism Investment	0.50

JPMorgan Funds - Asia Growth A (acc) USD Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Taiwan Semiconductor	9.70
2 Samsung Electronics	8.20
3 Tencent	6.40
4 Alibaba	4.00
5 HDFC Bank	4.00

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Equity / 股票市场 / Ekuiti

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

In September, MSCI APxJ declined by 2.86% in USD terms amid a weak global sentiment. With stronger than expected economic data, higher-for-longer rates were further entrenched, and as long-term US Treasury moved towards the 5% yield it further exacerbated investor sentiment. The political brinkmanship of a US government shutdown, stickier US inflation on the back of elevated commodity prices and the still-weak property sector in China brought further gloom to the already-battered markets. The SET and KOSPI indices were among the worst performing markets in September. The Thai market continued to experience foreign outflows amidst growing concerns on Thailand's potentially deeper budget deficits because of its populist policies as well as potential national service risks within the utilities and energy space. Similarly, KOSPI also experienced net selling by foreign investors and the battery sector suffered another big retreat with the leading cell / cathode makers losing momentum. The USD continued to gain strength across most EM currencies as the Dollar Index Spot currency continued to trend higher by 2.5% mom to end the month at 106.17. Oil price further appreciated during the month, crossing the USD90/barrel level to close at USD95.31 at month end (+9.7% MoM).

JP Morgan Asia Growth Fund

Asian markets declined further in September, led by Hong Kong, South Korea and Thailand. On the other hand, top performing markets were Philippines, India and Singapore. Despite an ongoing easing of domestic policy and some encouraging macro data, Chinese markets continued to decline. Guangzhou became the first Tier 1 city to relax home purchase restrictions, with other cities followed suit. Overall, China's economic recovery remains gradual. There were sporadic bright spots in consumption, but the real estate sector still needs more time to improve. Korean equities continued to underperform led by materials and industrials sectors due to weak performance of EV battery cells/materials companies. Meanwhile, Thailand was the worst performing market as slower than expected tourism recovery and tightening financial conditions dampened market optimism despite the formation of the new government. On the other hand, Indian market continued to outperform, supported by domestic buying. Macro prints were positive as demonstrated by improving consumer price inflation, industrial production and wholesale price inflation.

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

9月份，MSCI亚太除日本市场在全球情绪疲软打压下以美元计走低2.86%。经济数据强于预期，利率长期保持在较高水平，加上美国长期国债收益率朝向5%水平迈进，拖累投资情绪进一步恶化。美国政府关门的政治边缘博弈、大宗商品价格上涨导致美国通胀升温以及中国房地产行业依然疲软，使本已备受打击的市场雪上加霜。泰国SET指数和韩国KOSPI指数是9月份表现最逊色的市场之一。民粹主义政策以及公用事业和能源领域潜在的国民服务风险加剧了泰国预算赤字可能扩大的担忧，使外资继续流出泰国市场。同样，KOSPI指数也经历外资净抛售；电池行业再次大幅下滑，领先的电池/正极材料制造商势头减弱。美元兑大多数新兴市场货币继续走强，美元指数即期货币持续上涨，按月起2.5%，以106.17挂收。油价月内进一步走高，突破每桶90美元的水平，以95.31美元挂收，按月增长9.7%。

JP Morgan Asia Growth Fund

亚洲市场9月份进一步下滑，主要由香港、韩国和泰国领跌。另一方面，表现最好的市场是菲律宾、印度和新加坡。尽管国内政策持续宽松且宏观数据令人鼓舞，中国继续走低。广州成为第一个放宽购房限制的一线城市，其他城市纷纷效仿。总体而言，中国经济复苏仍是渐进的。消费领域出现零星亮点，但房地产行业仍需更多时间改善。韩国股市继续表现不佳，主要受材料和工业领域拖累，因为电动汽车电池/材料公司表现疲弱。与此同时，泰国是表现最差的市场；尽管新政府已经成立，旅游业复苏较预期缓慢以及金融条件收紧打压市场乐观情绪。另一方面，印度市场持续表现优异，归功于国内购买支撑。消费者价格通胀、工业生产和批发价格通胀皆改善，显示宏观数据正面。

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

Pada September, MSCI APxJ merosot 2.86% dari segi USD di tengah-tengah sentimen global yang lemah. Dengan data ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan, kadar lebih tinggi untuk tempoh lebih lama terus berakar umbi, dan sebaik Perbendaharaan US jangka panjang bergerak ke arah hasil 5%, ia memburukkan lagi sentimen pelabur. Ketegangan politik akibat kemungkinan penutupan kerajaan US, inflasi US yang lebih melekit berikutan harga komoditi yang tinggi di samping sektor hartanah yang masih lemah di China semakin menyerkup kesuraman pasaran yang sudah pun terjejas. Indeks SET dan KOSPI adalah antara pasaran yang berprestasi paling teruk pada September. Pasaran Thailand terus mengalami aliran keluar asing di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat mengenai defisit bajet Thailand yang berpotensi tambah meruncing berikutan dasar populisnya serta potensi risiko perkhidmatan negara dalam ruang utiliti dan tenaga.

Pada masa yang sama, KOSPI turut mengalami jualan bersih ekoran pelabur asing dan sektor bateri mengalami satu lagi kemunduran cukup besar dengan pembuat sel/ katod terkemuka kehilangan momentum. USD terus mendapat kekuatan merentasi kebanyakan mata wang EM apabila indeks pertukaran mata wang Dollar Index Spot terus menunjukkan aliran lebih tinggi 2.5% MoM lalu mengakhiri bulan pada 106.17. Harga minyak terus meningkat pada bulan ini, melepasi paras USD90/tong kemudian ditutup pada USD95.31 pada akhir bulan (+9.7% MoM).

JP Morgan Asia Growth Fund

Pasaran Asia terus merosot pada September, didahului oleh Hong Kong, Korea Selatan dan Thailand. Sebaliknya, pasaran berprestasi tinggi ialah Filipina, India dan Singapura. Walaupun dasar domestik berterusan melonggar di samping beberapa data makro yang menggalakkan, pasaran China terus merosot. Guangzhou menjadi bandar Tahap 1 pertama yang melonggarkan sekatan pembelian rumah, kemudian bandar lain pula mengikutinya. Secara keseluruhan, pemulihan ekonomi China kekal berdikit-dikit. Titik terang penggunaan muncul sekali-sekala, namun sektor hartanah masih memerlukan lebih banyak masa untuk menambah baik. Ekuiti Korea masih memberikan prestasi rendah, didahului oleh sektor bahan dan perindustrian disebabkan prestasi lemah syarikat sel/ bahan bateri EV. Sementara itu, Thailand merupakan pasaran berprestasi paling teruk kerana pemulihan sektor pelancongan yang lebih perlahan daripada jangkaan dan keadaan kewangan yang semakin ketat melemahkan keyakinan pasaran walaupun selepas kerajaan baharu dibentuk. Sebaliknya, pasaran India terus mencatat prestasi baik, disokong oleh pembelian domestik. Cetakan makro adalah positif seperti yang ditunjukkan oleh penambahbaikan inflasi harga pengguna, pengeluaran perindustrian dan inflasi harga borong.

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

Eastspring Investments Asian Bond Fund

Financial markets retreated in September with Asian USD bonds tracked by the JP Morgan Asia Credit Index declining by 0.96%. US Treasury yields climbed to multi-year highs as the Fed's hawkish pause kept pressure on markets. Adding to the uncertainty was the rising probability of a US government shutdown amid a political deadlock ahead of the September 30 deadline.

The US Federal Reserve kept the benchmark interest rate at the current target range of between 5.25% and 5.50%. In their economic projections, Fed members raised their assessment on real GDP growth, lifted the unemployment rate forecast and lowered their expectation for inflation. Other economic data over the month reaffirmed a weak US economy. Manufacturing PMI stayed below 50 but climbed to 49 in September from 47.6 in August. The Conference Board Consumer Confidence Index dropped to 103 in September from 108.7 in the prior month as more consumers expressed less confidence about future business conditions, job availability and incomes. Yields on the 2-year, 5-year and 10-year US Treasury yields increased 18 bps, 35 bps and 46bps to end the month at 5.04%, 4.61% and 4.57% respectively.

In China, exports fell 8.8% in August compared with a year earlier while imports declined 7.3%. The PBOC reduced the reserve requirement ratio for most banks by 25 bps, which marked the second cut this year. In addition, the central bank left the benchmark lending rates unchanged with the one-year loan prime rate at 3.45% and the five-year loan prime rate at 4.20%.

High yield bonds outperformed investment grade over the month. Across sectors, the gains were led by high yield sovereign bonds by Sri Lanka and Pakistan, as well as high yield Sri Lanka quasi-sovereign notes. Among corporate bonds, high yield issuers fared better than investment grade, led by miners and oil & gas credits. Most investment grade corporate sectors declined in September on the back of lower Treasury returns. Infrastructure investment grade credits bucked the trend and ended the month positively.

Eastspring Investments Asian Bond Fund

金融市场于9月份回落，摩根大通亚洲信贷指数（JACI）追踪的亚洲美元债券下跌0.96%。美国国债收益率攀升至多年新高，因美联储（Fed）的鹰派暂停打压市场。此外，政治僵局提高了美国政府在9月30日截止日期后关门的风险，使原本动荡的市场雪上加霜。

美联储将基准利率目标区间维持在当前的5.25%至5.50%水平不变。在其经济预测中，美联储成员上调了实际国内生产总值增速预期和失业率预测，并降低他们的通胀预期。月内出炉的其他经济数据再次确认了美国经济表现疲软。制造业采购经理人指数（PMI）保持在50以下，但从8月份的47.6上升至9月份的49。世界大型企业联合会公布的消费者信心指数从之前一个月的108.7下滑至9月份的103，反映更多消费者对未来商业状况、就业机会和收入表现出较低的信心。2年期、5年期和10年期美国国债收益率分别走高18个基点、35个基点和46个基点，以5.04%、4.61%和4.57%结束当月交易。

中国8月份出口按年下跌8.8%，进口降低7.3%。中国人民银行下调大多数银行的存款准备金率25个基点，这是今年来的第二次调降。此外，该央行维持贷款基准利率不变，一年期贷款市场报价利率为3.45%，五年期的则为4.20%。

检讨月份下，高收益债券表现超越投资级债券。就各个领域而言，斯里兰卡和巴基斯坦的高收益主权债券以及斯里兰卡的高收益准主权债券领涨。至于企业债券，高收益发行方的表现优于投资级债券，主要由矿业和石油与天然气信贷领涨。由于美国国债回报率看跌，大多数投资级企业领域于9月份走低。基础设施投资级信贷则逆势上扬，以正面姿态结束月内交易。

Eastspring Investments Asian Bond Fund

Pasaran kewangan mengundur pada September dengan bon Asia USD yang dijejaki oleh Indeks JP Morgan Asia Credit merosot 0.96%. Hasil Perbendaharaan US meningkat ke paras tertinggi berbilang tahun apabila tindakan Fed yang menghentikan seketika pendekatan agresif mengekalkan tekanan ke atas pasaran. Menambah ketakpastian ialah peningkatan kebarangkalian penutupan kerajaan US di tengah-tengah kebuntuan politik menjelang tarikh akhir 30 September.

Rizab Persekutuan US mengekalkan kadar faedah penanda aras pada julat sasaran semasa antara 5.25% dan 5.50%. Dalam unjuran ekonominya, ahli Fed menaikkan penilaian terhadap pertumbuhan KDNK sebenar, menaikkan unjuran kadar pengangguran dan menurunkan jangkaan terhadap inflasi. Data ekonomi lain pada bulan tinjauan mengesahkan ekonomi US yang lemah. PMI pembuatan kekal di bawah 50 tetapi meningkat kepada 49 pada September daripada 47.6 pada Ogos. Indeks Conference Board Consumer Confidence turun kepada 103 pada September daripada 108.7 pada bulan sebelumnya apabila lebih ramai pengguna meluahkan rasa kurang yakin tentang keadaan perniagaan masa depan, ketersediaan pekerjaan dan pendapatan. Hasil Perbendaharaan US 2 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat 18 bps, 35 bps dan 46 bps lalu mengakhiri bulan tinjauan pada 5.04%, 4.61% dan 4.57%.

Di China, eksport jatuh 8.8% pada Ogos berbanding tahun sebelumnya manakala import susut 7.3%. PBOC mengurangkan 25 bps nisbah keperluan rizab berkanun kebanyakan bank, menandakan pemotongan kedua tahun ini. Di samping itu, bank pusat mengekalkan kadar pinjaman penanda aras dengan kadar utama pinjaman setahun pada 3.45% dan kadar utama pinjaman lima tahun pada 4.20%.

Bon kadar hasil tinggi mengatasi gred pelaburan pada bulan tinjauan. Merentasi sektor, keuntungan diterajui oleh bon kerajaan kadar hasil tinggi Sri Lanka dan Pakistan, serta nota separa kerajaan kadar hasil tinggi Sri Lanka. Dalam kalangan bon korporat, penerbit kadar hasil tinggi berprestasi lebih baik daripada gred pelaburan, diterajui oleh pelombong dan kredit minyak & gas. Kebanyakan sektor korporat gred pelaburan merosot pada September berikutan pulangan Perbendaharaan yang lebih rendah. Kredit gred pelaburan infrastruktur menongkah arah aliran lalu mengakhiri bulan dengan lebih positif.

Market Outlook / 市场展望 / Gambaran Bulanan

Equity / 股票市场 / Ekuiti

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

The strong and resilient US labour market may continue to keep the rates higher-for-longer, raising the probability of economic weaknesses going forward. The

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

upcoming FOMC minutes will be closely followed for indications of Fed's policy stance and its macro expectations. In China, the economic data is showing more signs of stabilisation rather than further deterioration and the consumption-related data during the Golden Week indicated that consumers are still willing to spend on experience. Policymakers are expected to continue to provide supportive measures to ensure economic stability. New geopolitical risk emerged in the Middle East as Hamas fired rockets into Israel from the Gaza Strip which had led to aggressive retaliation by Israel. Key focus here is whether will the conflict broaden out regionally and its potential implications on oil prices which may risk the recent US disinflation narrative. The unwinding of the BOJ's Yield Curve Control could also affect volatility in rates and currencies.

JP Morgan Asia Growth Fund

With the Fed looking to be much closer to the end of its hiking cycle and now much more data dependent on how much further it needs to raise short-term rates this year or may be next, Asian central banks in many cases have been able to pause or start their own rate-cutting cycles. This should support domestic growth, and in some cases lower deposit rates may urge domestic investors to pivot into domestic equities.

While China's policy pendulum has swung more pro-growth and business, the sugar rush of a large fiscal stimulus is not expected as the authorities are more focused on sustainable growth and removing tail risks from the real-estate sector. Chinese consumption will recover, albeit gradually over the coming year, in turn supporting earnings.

Although the risk of US recession and weaker global demand still looms large, Asian corporates look well positioned for the next decade's big trends: investment in materials and manufactured goods to support carbon transition and high-powered computing spurred on by AI adoption.

Earnings in the first half of the year have disappointed largely driven by the weak recovery seen so far in China. Valuations are around long-term averages and earnings potentially have some upside.

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

美国劳动力市场强劲且坚韧，或继续使利率在更长时间内保持在较高水平，从而增加了经济将在未来走软的可能性。市场密切关注即将发布的联邦公开市场委员会（FOMC）会议纪要，以了解美联储的政策立场和宏观预期。在中国，经济数据显示更多企稳迹象，而不是进一步恶化的趋势；黄金周期间的消费相关数据显示，消费者仍然愿意花费在体验上。政策制定家预计将继续出台支持性措施以确保经济稳定。中东地带出现新的地缘政治风险，哈马斯从加沙地带向以色列发射火箭弹，遭到以色列的猛烈报复。关键问题在于这场冲突是否会扩大到区域范围，以及其对油价产生的潜在影响，从而可能威胁到美国近期的通货紧缩说法。日本央行（BOJ）收益率曲线控制政策“松绑”也可能影响利率和货币波动。

JP Morgan Asia Growth Fund

随着美联储的加息周期看来即将结束，且目前更依赖数据来判断今年或明年需要进一步调高短期利率的程度，亚洲央行在许多情况下都能够暂停或启动本身的降息周期。这应该得以支持国内增长，且在某些情况下，较低的存款利率可能会促使国内投资者转向青睐国内股市。

中国政策更加倾向于亲经济增长和商业之际，预计大规模财政刺激不会带来“糖果效应”，因为当局更加关注可持续增长和消除房地产行业的尾端风险。中国消费将在未来一年逐步复苏，从而支撑企业盈利。

尽管美国经济衰退和全球需求疲软的风险仍然存在，亚洲企业看来越来越有能力应对未来十年的重大趋势：投资材料和制成品以支持碳转型，以及在人工智能采用的推动下实现高性能计算。

今年上半年的盈利令人失望，主要归咎于中国迄今为止的复苏疲弱。估值约为长期平均水平，盈利有望有所回升。

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

Pasaran buruh US yang kukuh lagi mampan mungkin akan terus mengekalkan kadar lebih tinggi untuk tempoh lebih lama, meningkatkan kebarangkalian kelemahan ekonomi melangkah ke hadapan. Minit FOMC akan datang akan diikuti dengan teliti yang berfungsi sebagai petunjuk pendirian dasar Fed dan jangkaan makronya. Di China, data ekonomi menunjukkan lebih banyak tanda penstabilan berbanding kemerosotan seterusnya manakala data berkaitan penggunaan semasa Minggu Emas menunjukkan bahawa pengguna masih sanggup mengeluarkan belanja untuk pengalaman. Penggubal dasar dijangka akan terus menyediakan langkah sokongan untuk memastikan kestabilan ekonomi. Risiko geopolitik baharu muncul di Timur Tengah apabila Hamas melancarkan roket ke atas Israel dari Semenanjung Gaza yang telah membawa kepada tindakan balas Israel yang agresif. Tumpuan utama di sini ialah sama ada konflik akan merebak ke serantau dan potensi implikasinya terhadap harga minyak yang mungkin mempertaruhkan naratif disinflasi US baru-baru ini. Pelepasan Kawalan Keluk Kadar Hasil BOJ juga boleh mempengaruhi ketaktetapan kadar dan mata wang.

JP Morgan Asia Growth Fund

Susulan Fed yang semakin hampir dengan penghujung kitaran kenaikan kadar dan kini lebih banyak data bergantung pada sejauh mana ia perlu menaikkan kadar jangka pendek pada tahun ini atau mungkin tahun yang mendatang, bank pusat Asia dalam banyak keadaan telah dapat berjeda atau memulakan kitaran pemotongan kadar mereka sendiri. Keadaan ini boleh dengan sewajarnya dapat menyokong pertumbuhan domestik, dan dalam beberapa kes, kadar deposit yang lebih rendah mungkin menggesa pelabur domestik untuk beralih kepada ekuiti domestik.

Walaupun dasar China cenderung kepada pro-pertumbuhan dan perniagaan, namun rangsangan fiskal besar yang serta-merta adalah di luar jangkauan kerana pihak berkuasa lebih tertumpu kepada kemampuan pertumbuhan di samping menghapuskan saki baki risiko sektor hartanah. Penggunaan China akan pulih walaupun secara beransur-ansur di sepanjang tahun akan datang, seterusnya menyokong pendapatan.

Sungguhpun risiko kemelesetan US dan permintaan global yang lebih lemah masih tegar berlingkaran, namun korporat Asia kelihatan berada pada kedudukan yang baik agar bersedia dengan arah aliran besar dekad mendatang: pelaburan dalam bahan dan barangan pembuatan supaya menyokong peralihan karbon dan

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

pengkomputeran berkuasa tinggi yang didorong oleh penggunaan AI.

Sebahagian besar pendapatan pada separuh tahun pertama mengecewakan, lantaran pemulihan lemah yang dilihat di China setakat ini. Penilaian sekitar purata jangka panjang dan pendapatan mungkin meningkat sedikit.

Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

Eastspring Investments Asian Bond Fund

As we step into the fourth quarter of 2023, volatility continues to make its mark on investors, serving as a reminder of the inter-connectivity of global markets and how quickly sentiment can change. Since the beginning of the year, central banks have been focusing on the inflation trajectory and its underlying drivers. While consumer prices have moderated, the pace of slower inflation has been somewhat disappointing. Decent wage growth, low unemployment and high job vacancies are keeping prices at an elevated level. These inflationary drivers have been pushing bond yields higher, coinciding with the backdrop of increased Treasury supply, a US downgrade from Fitch Ratings and the threat of a federal government shutdown.

Nonetheless, the Asian bond market has held up well so far this year, with reasonable credit fundamentals and supportive technicals helping the asset class to deliver a positive total return year-to-date. We would expect Asian bond issuers to remain healthy and bonds to perform better than more cyclical assets in the face of below trend economic growth. There might be increased dispersion between intrinsic value and price action within fixed income markets, but this will provide ground for the portfolio to generate alpha through security selection.

Eastspring Investments Asian Bond Fund

迈入2023年第4季度之际，市场波动将继续对投资者产生影响，提醒我们全球市场之间相互关联以及投资情绪迅速变化的事实。各国央行自年初以来一直关注通胀轨迹以及其潜在的驱动因素。尽管消费价格放缓，通胀降温的步伐却稍微令人失望。可观的工资增长、低企的失业率和高职位空缺率导致物价保持在较高水平。这些通胀驱动因素与美国国债供应增加、惠誉评级下调美国评级以及联邦政府面临关闭威胁等发展相一致地不断推动债券收益率走高。

尽管如此，亚洲债券市场今年迄今表现良好，合理的信贷基本面和支持性的技术面有助于资产类别在今年迄今实现了正面的总回报。我们预计，在经济增长低于趋势水平的情况下，亚洲债券发行方将保持健康，同时债券的表现将优于周期性资产。固定收益市场的内在价值和价格走势之间可能出现更大分歧，尽管如此，这将为投资组合提供良机，以通过证券选择取得超额收益。

Eastspring Investments Asian Bond Fund

Sebaik kita melangkah ke suku keempat 2023, ketaktentuan terus memberi kesan kepada pelabur, berfungsi sebagai peringatan tentang kesalinghubungan pasaran global dan betapa cepatnya sentimen boleh berubah. Sejak awal tahun, bank pusat telah memberi tumpuan kepada trajektori inflasi dan pemacu dasarnya. Meskipun harga pengguna menyederhana, kadar inflasi yang lebih perlahan agak mengecewakan. Pertumbuhan gaji yang baik, pengangguran yang rendah dan kekosongan jawatan yang banyak mengekalkan harga pada tahap yang tinggi. Pemacu inflasi ini telah mendorong kadar hasil bon ke paras lebih tinggi, bertepatan dengan latar belakang pertambahan penawaran Perbendaharaan, penurunan taraf US oleh Fitch Ratings dan ancaman penutupan kerajaan persekutuan.

Namun begitu, pasaran bon Asia bertahan dengan baik setakat ini, dengan asas kredit yang munasabah dan sokongan teknikal membantu kelas aset ini menyampaikan jumlah pulangan yang positif sejak awal tahun sehingga kini. Kami menjangkakan keadaan penerbit bon Asia terus sihat manakala bon berprestasi lebih baik berbanding sebahagian besar aset kitaran dalam menghadapi pertumbuhan ekonomi di bawah trend. Mungkin terdapat peningkatan serakan antara nilai intrinsik dan tindakan harga dalam pasaran pendapatan tetap, tetapi ianya akan menyediakan asas buat portfolio menjana alfa melalui pemilihan sekuriti.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned -2.10% for the month, underperforming the benchmark return of -0.99% by 1.11%. Year-to-date, the Fund returned 2.11%, underperforming the benchmark return of 6.83% by 4.72%.

The Fund underperformed for the month mainly due to underlying equity funds which recorded sharp negative moves in tandem with global equities, despite outperformance against developed markets equities, including US. The weakness in Asia ex-Japan equities was mainly due to seasonality, concerns over the Chinese economy, impact of higher for longer interest rate environment and fears over global economic growth which dampened investor sentiment.

As of end-September 2023, the Fund has 27.3% exposure in bonds and 71.8% in equities (versus Neutral position of 30:70 bond:equity). Whilst Asian equities valuations remain attractive within emerging market, rise in bond yields and concerns on lack of recovery momentum in China is expected to continue to exert downward pressure on risk-assets and dampen investors' sentiment. Nevertheless, low expectations, undemanding valuations and steady stream of policy support from the Chinese government for both the economy and the housing sector are key positive offsets. Against this backdrop, the Fund is expected to hold close to neutral position between equity and bonds assets.

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

The Fund registered a negative return of 3.78% for the month, behind the target rate of return of +0.63% (8% pa compounded) by 4.41%. The underperformance in September was dragged by exposure in the Korea, Thailand, Hong Kong and China markets.

The portfolio is anchored by high dividend-yielding stocks to provide steady recurring income and quality growth securities with positive momentum that have the potential to generate returns above the target rate.

We are gradually increasing the fund exposure to dividend-yielding and value stocks within the Asean region. We remain underweight on India due to its stretched valuations. We will continue to deploy the cash during market weakness.

JP Morgan Asia Growth Fund

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

The Fund underperformed the benchmark in September. Negative stock selection in China and India, along with an overweight to Hong Kong, were the leading detractors from performance, although this was partially offset by positive stock selection in South Korea and Thailand.

The portfolio added a new position in an Indian auto name as a diversification from our large overweight in Indian financials. The auto name is benefiting from strong sales momentum on the back of successful SUV model launches. Further, we topped up positions in a China consumer discretionary name with solid opening pipeline, and a Korea hardware name that is seeing earnings upgrade. These trades are funded by us reducing positions with lower conviction.

Eastspring Investments Asian Bond Fund

The Fund outperformed its benchmark, the JP Morgan Asia Credit Index in September. The underweight in China financials was a key contributor to relative performance. The underweight to Taiwan industrials also contributed to active returns. Exposure to real estate credits however weighed on relative return. This was derived primarily from holdings in Chinese and Hong Kong property names.

The Fund continues to employ a bottom-up, research-intensive approach to investing. Within the various credit buckets, the Fund is overweight BBB, and certain segments among the high yield space. Relative to the benchmark, the Fund is underweight AAA, AA and A-rated credits. We are also broadly underweight quasi-sovereigns and sovereigns while keeping an overweight to corporates in view of their higher coupon accruals and elevated interest rate environment.

检讨月份下，此基金交出-2.10%回酬，较回酬为-0.99%的基准逊色1.11%。年度至今，基金的回酬是2.11%，跑输回酬为6.83%的基准4.72%。

基金月内表现不佳，主要是因为所投资的股票基金追随全球股市的步伐挫低，尽管其表现优于包括美国在内的发达市场股票。亚洲除日本股市走软主要归咎于季节性因素、中国经济担忧、长期较高利率环境的影响以及市场对全球经济增长的担忧抑制了投资者情绪。

截至2023年9月底，此基金在债券的投资比重为27.3%，股票的是71.8%（对比30:70债券：股票的中和部署）。尽管亚洲股市的估值在新兴市场中仍具吸引力，债券收益率上升以及对中国复苏动力不足的担忧预计将继续对风险资产构成下行压力，并抑制投资者情绪。然而，预期低企、估值吸引以及中国政府对经济和房地产行业作出的持续性政策支持是关键的积极抵消因素。在此背景下，基金预计在股票和债券资产之间保持接近中和的立场。

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

基金月内下跌3.78%，较+0.63%的目标回报率（年复利8%）逊色4.41%。9月份表现落后主要归咎于在韩国、泰国、香港和中国市场的投资。

投资组合瞄准可提供稳定经常性收益的高息股，以及有潜能产生高于目标利率回报且具有积极势头的优质增长证券。

我们逐步增加基金对东盟地区高息股和价值股的投资。由于估值过高，我们持续减持印度。我们也将继续趁市场疲软时善用现金。

JP Morgan Asia Growth Fund

此基金9月份表现较基准逊色。尽管在韩国和泰国的正面选股部分抵消了冲击，中国和印度的负面选股以及增持香港的部署是拖累表现的主要因素。

投资组合启动了一家印度汽车公司的投资，作为我们大幅加码印度金融股的多元化部署。该汽车公司受益于SUV车型成功推出带来的强劲销售势头。此外，我们还增持了一家拥有稳定项目开发计划的中国非必需消费品企业和一家盈利预期升级的韩国硬件公司。这些交易是通过减持较低信心投资的仓位来融资。

Eastspring Investments Asian Bond Fund

9月份，此基金表现超越其基准摩根大通亚洲信贷指数。其对中国金融股的减持是相对表现的一个关键贡献因素。此外，减持台湾工业股的部署还为积极回报作出贡献。然而，基金在房地产信贷的投资影响了相对回报；这主要来自于持有中国和香港的房地产证券。

基金继续采用自下而上以及研究密集型的策略进行投资。在各种信贷类别中，基金增持BBB评级以及特定高收益证券。相对于基准，基金减持AAA、AA和A评级信贷。我们还普遍减持主权和主权证券；与此同时，考虑到企业债券的票面应计利息较高和利率环境高企，基金持续加码企业债券。

Dana memberikan pulangan -2.10% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.99% sebanyak 1.11%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana memperoleh pulangan 2.11%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 6.83% sebanyak 4.72%.

Prestasi rendah Dana pada bulan ini disebabkan terutamanya oleh pendasar dana ekuiti yang mencatatkan pergerakan negatif mendadak seiring ekuiti global, walaupun mengatasi prestasi ekuiti pasaran maju, termasuk US. Kesuraman ekuiti Asia luar Jepun disebabkan terutamanya oleh kebermusiman, kebimbangan tentang ekonomi China, kesan persekitaran ekoran kadar faedah lebih tinggi untuk tempoh lama, dan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi global memalapkan sentimen pelabur.

Setakat akhir September 2023, Dana mempunyai 27.3% pendedahan dalam bon dan 71.8% dalam ekuiti (berbanding kedudukan Neutral 30:70 bon:ekuiti). Walaupun penilaian ekuiti Asia kekal menarik dalam pasaran memuncur, namun kenaikan kadar hasil bon dan kebimbangan mengenai kekurangan momentum pemulihan di China dijangka akan terus memberi tekanan ke bawah terhadap aset berisiko lalu menyuramkan sentimen pelabur. Namun begitu, jangkaan yang rendah, penilaian yang tidak mendesak berserta aliran sokongan dasar yang berterusan daripada kerajaan China buat kedua-dua ekonomi dan sektor perumahan adalah penimbal positif utama. Berlatarbelakangkan ini, pegangan Dana dijangka hampir kepada kedudukan neutral antara aset ekuiti dan bon.

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

All data is as of 30 September 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

Dana merakamkan pulangan negatif sebanyak 3.78% pada bulan ini, menyusul kadar sasaran pulangan +0.63% (8% setahun dikompaun) sebanyak 4.41%. Prestasi rendah pada September diheret oleh pendedahan di pasaran Korea, Thailand, Hong Kong dan China.

Portfolio ini disandarkan oleh saham yang menghasilkan dividen tinggi agar menyediakan pendapatan berulang yang stabil di samping sekuriti pertumbuhan berkualiti dengan momentum positif yang berpotensi menjana pulangan melebihi kadar sasaran.

Kami meningkatkan pendedahan Dana kepada saham yang menghasilkan dividen dan nilai di dalam rantau Asean, sedikit demi sedikit. Kami mengekalkan kekurangan pegangan di India kerana penilaiannya yang merengang. Kami akan terus menggunakan wang tunai semasa kelemahan pasaran.

JP Morgan Asia Growth Fund

Dana tidak mengatasi prestasi penanda aras pada September. Pemilihan saham di China dan India negatif, berserta pegangan berlebihan di Hong Kong, adalah penjejas utama prestasi, walaupun sebahagiannya ditimbal oleh pemilihan saham positif di Korea Selatan dan Thailand.

Portfolio menambah kedudukan baharu dalam saham automobil India, kami menambah kepelbagaian kepada pegangan berlebihan yang cukup besar dalam kewangan India. Saham automobil berkenaan mendapat manfaat daripada momentum jualan yang kukuh berikutan kejayaan pelancaran model SUV. Selanjutnya, kami menambah kedudukan dalam saham pengguna bukan keperluan China dengan laluan pembukaan yang mantap, dan saham perkakasan Korea yang mencatat peningkatan pendapatan. Dagangan ini kami biayai dengan mengurangkan kedudukan dengan sabitan yang lebih rendah.

Eastspring Investments Asian Bond Fund

Dana mengatasi pencapaian penanda arasnya, Indeks JP Morgan Asia Credit pada September. Kekurangan pegangan dalam kewangan China merupakan penyumbang utama kepada prestasi relatif. Kekurangan pegangan kepada industri Taiwan juga menyumbang kepada pulangan aktif. Pendedahan kepada kredit hartanah walaubagaimanapun mempengaruhi pulangan relatif. Pegangan dalam saham hartanah China dan Hong Kong menjadi penyebab utama.

Dana terus menggunakan pendekatan bawah ke atas, penyelidikan intensif buat pelaburan. Meninjau pelbagai keranjang kredit, Dana mempunyai pegangan berlebihan kredit bertaraf BBB, dan segmen tertentu dalam ruangan kadar hasil tinggi. Berbanding dengan penanda aras, Dana kekurangan pegangan kredit bertaraf AAA, AA dan A. Kami juga secara amnya kekurangan pegangan dalam kredit separa kerajaan dan kredit kerajaan sambil mengekalkan pegangan berlebihan kepada korporat memandangannya akruan kupon yang lebih tinggi sektor tersebut dan persekitaran kadar faedah yang tinggi.

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, September 2023, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

PAMB:

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www.eastspring.com.sg.

MSCI: The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)

PAMB: 任何投资皆涉及投资风险，包括本金的损失。单位的价值可能会飙升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回报并不反映您投资的真实回报(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回报将根据有关投资连结基金的表现而定。保诚投资连结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回报可能会低于上述回报。本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入，将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基金说明书，请浏览 www.eastspring.com.sg。

资料来源: MSCI。MSCI信息仅供您本身及组织内部之用，因此不能以任何形式将之复制或传播，而且也不可作为任何金融工具或产品或指数的基础或组件。MSCI信息不可作为投资建议，或作出（或不作）任何种类的投资决定的建议，并且也不可视为投资的依据。过往的数据和分析不可作为未来表现分析、预测或预报的指标或保证。MSCI信息乃是“按原样”提供，而使用者必须对使用信息的一切后果负全责。编制、估算或创建一切MSCI信息的MSCI和其关联机构以及参与这些事项或与之有关的一切人士（统称为“MSCI各方”），特此表明不对有关信息作出任何保证（包括但不限于对某特殊目的的原创性、准确性、完整性、适时性、不侵权性、商业性及适用性的担保）。除上述内容外，MSCI各方在任何情况下均不会对直接、间接、特殊、偶然、惩罚性、后续的损失（包括但不限于利润的损失）或其他损失承担责任。（www.msci.com）

PAMB: Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.eastspring.com.sg.

MSCI: Maklumat MSCI hanya boleh digunakan untuk kegunaan dalaman organisasi anda, tidak boleh direproduksi atau disebarluaskan dalam sebarang bentuk dan tidak boleh digunakan sebagai asas untuk atau komponen bagi sebarang instrumen atau produk atau indeks kewangan. Tiada maklumat MSCI dimaksudkan untuk membentuk nasihat pelaburan atau cadangan untuk membuat (atau mengelakkan daripada membuat) apa-apa keputusan pelaburan dan tidak boleh disandarkan ke atasnya. Data dan analisa yang telah lalu tidak boleh di ambil sebagai petunjuk atau jaminan untuk sebarang analisa prestasi masa depan, ramalan atau telahan. Maklumat MSCI disediakan berdasarkan "sebagaimana adanya" dan pengguna maklumat tersebut mengambil alih keseluruhan risiko penggunaan maklumat yang berkenaan. MSCI, setiap ahli gabungannya dan setiap individu yang terlibat dalam atau berkaitan dengan menyusun, mengira atau membuat apa-apa maklumat MSCI (secara kolektif, "Pihak MSCI") dengan jelas menafikan semua waranti (termasuk, tidak terhad, sebarang waranti keaslian, ketepatan, kesempurnaan, ketepatan masa, tidak menyalahi, kebolehdagangan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu) berkaitan dengan maklumat ini. Tanpa menghadkan apa-apa yang disebutkan di atas, tiada satu keadaan pun Pihak MSCI patut menanggung sebarang liabiliti sama ada kerugian, langsung, tidak langsung, sampingan, hukuman, akibat (termasuk, dan tidak terhad ke atas kehilangan keuntungan) atau apa-apa ganti rugi lain. (www.msci.com)